

| | |
|-----------|---------------|
| Newspaper | BERITA HARIAN |
| Date | 14 FEB 2015 |



Nik Mohamad Abduh meletakkan pokok di pusara Allahyarham Nik Aziz di Tanah Perkuburan, Kampung Pulau Melaka, Kelantan, semalam. (FOTO GHAZALI KORI/BH)

“Saya melahirkan rasa syukur ke hadrat Allah kerana walaupun dalam suasana ramai, upacara pengebumian selamat dilakukan. Terima kasih juga kepada rakan bukan Islam dan semua parti sama ada pembangkang atau kerajaan”

Nik Mohamad Abduh,
Anak

Nik Aziz mahu Islam terus kuat di Malaysia

BH - 14/2/2015

» Pesanan terakhir Allahyarham kepada ahli keluarga

Oleh Nor Fazlina Abdul Rahim dan Siti Rohana Idris
bhkb@bh.com.my

■ Kota Bharu

Antara pesanan terakhir ditinggalkan Allahyarham Datuk Nik Aziz Nik Mat ialah mahu melihat Islam terus kuat di negara ini.

“Ayahanda mahu perjuangan itu diteruskan selain meminta supaya perjuangan menegakkan syiar Islam diteruskan. Itulah pesanan terakhirnya kepada ahli keluarga,” kata Nik Mohamad Abduh, anak kepada Mursyidul Am PAS itu.

Pada masa sama, Nik Mohamad Abduh meluahkan terima kasih kepada semua yang hadir bagi memberi penghormatan terakhir kepada tokoh ulama itu.

Selamat disempurnakan

“Saya melahirkan rasa syukur ke hadrat Allah kerana walaupun dalam suasana ramai, upacara pengebumian selamat dilakukan. Terima kasih

juga kepada rakan bukan Islam dan semua parti sama ada pembangkang atau kerajaan,” katanya.

Sementara itu, isteri Nik Aziz, Datin Tuan Sabariah Tuan Ishak, berkata beliau reda dengan pemergian Tok Guru.

Beliau meluahkan rasa syukur kerana Allahyarham dapat menghembuskan nafas terakhir ketika semua ahli keluarga berkumpul beramai-ramai.

“Saya bersyukur sangat kerana semua insan tersayang berada di sisi Tok Guru ketika beliau menghembuskan nafas terakhir di rumah kami malam tadi (kelmarin).

“Ramai orang terlalu sayang-

kan Tok Guru kerana hari ini (semalam) begitu ramai datang untuk melihatnya buat kali terakhir. Saya berterima kasih kepada semua yang meluangkan masa untuk datang melawat Tok Guru,” katanya di sini, semalam.

Mursyidul Am PAS menghembuskan nafas terakhir kira-kira jam 9.40 malam kelmarin di kediamannya di Pulau Melaka, selepas menerima rawatan selama 25 hari di Hospital Universiti Sains Malaysia (HUSM) Kubang Kerian.

Allahyarham yang meninggal dunia akibat kanser prostat tahap empat, meninggalkan seorang isteri dan 10 anak, masing-masing lima le-

laki dan perempuan.

Tak sempat tatap wajah

Sementara itu, adik kepada Nik Aziz, Nik Mohamad Zaidah, 73, berkata walaupun tidak dapat menatap wajah Allahyarham ketika menghembuskan nafas terakhir, dia tetap reda.

Dia yang tinggal di Jerantut, Pahang tiba di Pulau Melaka awal pagi semalam, menyifatkan abangnya seorang yang begitu mementingkan silaturrahim keluarga.

“Meskipun Tok Guru sibuk dengan tugas dan menjawat jawatan tinggi, hubungan kami adik beradik begitu akrab sekali,” katanya.



Orang ramai berkumpul sejak jam 7.30 pagi di Jalan Mahmood beresak-asak menaiki bas yang disediakan percuma untuk ke Pulau Melaka bagi menziarah Allahyarham Nik Abdul Aziz buat kali terakhir. (FOTO OWEE AH CHUN/BH)